

03/02/2001

Aseh azam mahu jadikan KDN kementerian contoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang baru, Datuk Aseh Che Mat, berazam menjadikan KDN sebagai kementerian contoh dalam pentadbiran kerajaan.

Aseh berkata, azam itu sejajar dengan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seperti yang diilhamkan ketika menerajui kementerian itu sebelum ini.

Malah, katanya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang kini menerajui KDN, turut menekankan kecemerlangan perkhidmatan terutama konsep mesra rakyat tetapi pada masa yang sama tegas dalam penguatkuasaan.

Beliau berkata, mutu perkhidmatan perlu sentiasa dipertingkatkan kerana jabatan dalam KDN, seperti polis, imigresen dan pendaftaran negara sering berurusan secara langsung dengan rakyat.

"Oleh kerana kedudukannya amat penting dan diterajui Timbalan Perdana Menteri, maka sewajarnya kementerian ini menjadi kementerian contoh kepada kementerian lain.

"Justeru, kita harus pastikan perkhidmatan kepada orang ramai adalah yang terbaik. Sekarang masyarakat menuntut jabatan yang berurusan dengan orang ramai memberi perkhidmatan terbaik," katanya selepas majlis penyerahan tugas Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri oleh Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri kepada beliau.

Hadir sama, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dan Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Datuk Omar Mohamad Dan.

Aseh yang sebelum ini Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, menggantikan Jamaluddin yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kedua-dua pelantikan itu berkuatkuasa semalam.

Mengenai permintaan Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya diberi kuasa tambahan bagi membolehkannya menyiasat kes jenayah yang ada kaitan dengan rasuah, Aseh berkata perkara itu terserah kepada kerajaan untuk menentukannya.

"Tambahan pula kalau (kerajaan) mahu beri kuasa, perlu dapat kelulusan Parlimen (untuk meminda Akta Pencegahan Rasuah 1997)," katanya.

Aseh turut menafikan cakap-cakap kononnya wujud pergeseran di antara beliau dengan pihak tertentu di KDN ketika menerajui Jabatan Imigresen sebelum ini dan pelantikan beliau sekarang sebagai usaha menyekat kuasanya.

Katanya, dakwaan itu tidak benar sama sekali kerana beliau sentiasa terbabit dengan urusan pentadbiran dengan Menteri Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian dan pegawai lain ketika menerajui Jabatan Imigresen.

"Kita (Jabatan Imigresen) sebahagian daripada KDN. Saya adalah penyokong kuat kementerian ... kalau ada pergeseran, macam mana saya nak buat kerja ... tak ada masalah," katanya sambil menyatakan tugasnya kini semakin berat.

Mengenai pengganti beliau sebagai Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Aseh berkata beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu kerana ditentukan kerajaan.

"Saya serah kepada kepemimpinan dalam perkhidmatan awam dan KSN (Ketua Setiausaha Negara)," katanya.

Sementara itu, Jamaluddin dalam ucapannya pula, percaya Aseh akan mendapat sokongan dan kerjasama semua pihak di kementerian itu untuk

mbolehkan tanggungjawab yang diamanahkan dilaksanakan dengan cemerlang.

"Pastikan sokongan penuh itu diteruskan," katanya sambil mengucap penghargaan atas kerjasama semua pihak ketika beliau menjadi Ketua Setiausaha.

(END)